

ENAKMEN 12 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002

BAHAGIAN VII - PENJAGAAN
Penjagaan ke atas Orang Dan Harta

Seksyen 102. Perintah larangan oleh Mahkamah.

(1) Walau apa pun peruntukan seksyen 91, Mahkamah boleh, jika difikirkannya perlu berbuat demikian, membuat suatu perintah melarang bapa atau datuk lelaki di sebelah bapa seorang kanak-kanak atau wasi-wasi mereka masing-masing atau wasi-wasi kepada wasi-wasi mereka masing-masing daripada-

(a) menjual, menggadaikan, menggadai janji, menukar atau selainnya melepaskan milik mana-mana harta alih atau harta tak alih kanak-kanak itu; atau

(b) memajakkan mana-mana tanah kepunyaan kanak-kanak itu selama tempoh lebih daripada satu tahun,

tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Mahkamah.

(2) Apa-apa pelupusan harta seseorang kanak-kanak yang melanggar perintah itu boleh ditetapkan sebagai tak sah, dan atas penetapan sedemikian itu Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya perlu untuk mengembalikan harta yang dilupuskan itu kepada kanak-kanak itu.

(3) Mahkamah tidak boleh membuat apa-apa perintah di bawah subseksyen (2) melainkan jika perlu atau baik bagi kepentingan kanak-kanak itu.
